



KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN. BHD.

melaksanakan projek/program Kerajaan negeri berkaitan bioteknologi/pertanian & pembangunan hutan
modal berbayar: RM4.60 juta | milikan penuh: Perbadanan Menteri Besar Kelantan



Objektif
Penubuhan

**Belum Capai
Sepenuhnya**



Tadbir Urus
Korporat

Memuaskan



Kedudukan
Kewangan

Stabil

RUMUSAN AUDIT

“ Secara keseluruhannya, objektif penubuhan syarikat masih belum dicapai sepenuhnya dengan penamatkan pengeluaran dua produk bioteknologi. Geran Kerajaan telah digunakan mengikut tujuan ditetapkan tetapi beberapa objektif projek belum dicapai akibat kekangan yang dihadapi syarikat. ”

PENEMUAN AUDIT

Prestasi Aktiviti

PENCAPAIAN OUTPUT



40% - 75% pencapaian KPI
tahunan (2018 - 2021)



RM2.93 juta kerugian terkumpul (2021)

PENCAPAIAN KEBERHASILAN



2 daripada **3** produk berasaskan
bioteknologi telah ditamatkan pengeluaran



RM1.40 juta pulangan berpotensi
daripada projek pembangunan hutan

Pengurusan Aktiviti



2 daripada **3** projek geran Kerajaan
belum mencapai objektif



RM397,592 tunggakan hasil sewa
belum diterima



RM301,400 tunggakan sewa
pajakan belum dijelaskan

Tadbir Urus Korporat



6 daripada **8** aspek
amalan terbaik tidak
dipatuhi sepenuhnya:

- - ● Tidak sedia Piagam Lembaga Pengarah
- - ● Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah
- - ● Tidak sedia SOP
- - ● pelaksanaan projek geran Kerajaan
- - ● Tidak pantau pencapaian Pelan Strategik
- - ● Tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit & Audit Dalam

3
**SYOR
AUDIT**

**PERBADANAN MENTERI BESAR
KELANTAN
KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN. BHD.**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB) adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dan milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan modal berbayar berjumlah RM4.60 juta. KBCSB melaksanakan projek/program Kerajaan negeri yang berkaitan dengan bioteknologi/pertanian serta melaksanakan pembangunan harta tanah.
- Penilaian terhadap aktiviti utama KBCSB bagi tahun 2018 hingga 2021 meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti. Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan aktiviti pula melibatkan tiga perkara iaitu aktiviti pembekalan produk pertanian, pelaksanaan projek geran Kerajaan dan pembangunan harta tanah.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengurus; Lembaga Pengarah; Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit (JKA) dan Audit Dalam bagi tahun 2018 hingga 2021.
- Analisis kedudukan kewangan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai tahap pencapaian objektif penubuhan KBCSB yang menjalankan peranan sebagai pembekal produk pertanian, pelaksana projek geran Kerajaan dan menguruskan pembangunan harta tanah.

Apa yang ditemui Audit?

- Sehingga 31 Disember 2021, KBCSB melaksanakan tiga projek pembangunan dan penyelidikan berkaitan bioteknologi melalui peruntukan geran Kerajaan Negeri Kelantan berjumlah RM582,000.
- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan KBCSB belum dicapai sepenuhnya. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
 - pencapaian KPI oleh KBCSB adalah kurang cekap bagi tahun 2018 hingga 2021 iaitu antara 40% hingga 75% berbanding sasaran;
 - sumber dana daripada geran Kerajaan digunakan mengikut tujuan ditetapkan tetapi masih terdapat beberapa objektif projek yang belum dicapai akibatkekangan yang dihadapi syarikat;
 - kelemahan dalam aspek perancangan telah menjelaskan pelaksanaan projek geran Kerajaan;
 - aktiviti pengeluaran bagi dua produk berasaskan bioteknologi telah dihentikan pada tahun 2016 dan 2019 kerana tidak berjaya mendatangkan keuntungan kepada syarikat;
 - kebergantungan syarikat kepada pelan, hala tuju dan peruntukan kewangan Kerajaan negeri dan perbadanan induk menyebabkan pendapatan serta perkembangan syarikat adalah terhad; dan
 - pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan masalah penerokaan haram telah menjelaskan pembangunan projek harta tanah seterusnya mengakibatkan tunggakan sewa yang memberi kesan kepada aliran tunai KBCSB.
- Kedudukan kewangan KBCSB dalam tempoh yang dinilai adalah stabil dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM96,679 pada tahun 2021. Bagaimanapun, dalam masa yang sama KBCSB terlalu bergantung kepada sumber kewangan daripada perbadanan induk untuk menjalankan operasinya dan KBCSB

masih mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM2.93 juta pada akhir tahun 2021.

- Amalan tadbir urus korporat KBCSB berada pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan; Setiausaha Syarikat tidak menjalankan peranan dalam menasihati Lembaga Pengarah; SOP bagi pelaksanaan projek geran Kerajaan tidak disediakan; pemantauan terhadap pencapaian Pelan Strategik tidak dibuat; JKA dan Audit Dalam tidak ditubuhkan.
- Pihak KBCSB perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memastikan pelaksanaan projek dipantau supaya objektif sebenar projek dicapai dan mengkaji semula pelan strategik syarikat dengan mengambil kira objektif penubuhan dan keupayaan syarikat;
 - mengkaji dan menyusun semula struktur kewangan syarikat bagi mengurangkan kebergantungan syarikat kepada dana daripada perbadanan induk dan Kerajaan negeri dalam menjalankan operasi dan aktiviti syarikat; dan
 - meningkatkan tadbir urus syarikat berkaitan dengan aspek peranan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, JKA dan Audit Dalam serta pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik selaras dengan Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan amalan terbaik.

Apa yang disyorkan Audit?

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

2. KELANTAN BIOTECH CORPORATION SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

15.12.2005	RM4.60 juta	RM2.93 juta
Tarikh diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965	Modal berbayar	Kerugian terkumpul bagi tahun 2021
Objektif penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan pemantauan, menarik pelabur dan usahawan serta menjalankan penyelidikan secara usaha sama dalam bidang yang berkaitan dengan pembangunan industri bioteknologi. Membeli/menyewa harta tanah yang sesuai untuk menjalankan perniagaan. Menjalankan perniagaan lain yang sesuai dengan urusan syarikat. 	
Aktiviti utama	Sebagai agensi pelaksana projek geran Kerajaan dan program Kerajaan negeri yang berkaitan dengan bioteknologi/pertanian serta pembangunan harta tanah	
Jenis syarikat	Syarikat berhad menurut syer	

1. LATAR BELAKANG


1.1. Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd. (KBCSB) adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dan milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). KBCSB ditubuhkan pada 15 Disember 2005 di bawah Akta Syarikat 1965 dan modal berbayar semasa adalah berjumlah RM4.60 juta. Objektif penubuhan berdasarkan Perlembagaan Syarikat ialah:

- menjalankan pemantauan, menarik pelabur dan usahawan serta menjalankan penyelidikan secara usaha sama dengan universiti atau pusat penyelidikan lain dalam bidang yang berkaitan dengan pembangunan industri bioteknologi di negeri Kelantan;
- membeli/menyewa harta tanah yang didapati sesuai untuk menjalankan perniagaan; dan
- menjalankan perniagaan lain yang sesuai dengan urusan syarikat.

1.2. KBCSB berfungsi sebagai agensi pelaksana bagi projek/program Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar (EXCO Pertanian). KBCSB juga merupakan pengeluar dan pembekal produk berkaitan bio pertanian dan baja organik. Selain itu, KBCSB turut

terlibat dalam aktiviti pembangunan harta tanah yang strategik dengan syarikat usaha sama. Secara amnya, model perniagaan KBCSB adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
MODEL PERNIAGAAN KBCSB




Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3. Hasil utama KBCSB adalah pendapatan yang diperoleh daripada jualan produk bio pertanian di mana pelanggan utamanya adalah Kerajaan Negeri Kelantan. Selain itu, KBCSB turut memperoleh pendapatan daripada projek pembangunan harta tanah yang dijalankan secara usaha sama dengan syarikat swasta. Hasil yang diperoleh tersebut dibelanjakan bagi pengurusan aktiviti KBCSB. Bagi tahun 2018 hingga 2021, KBCSB turut menerima geran daripada Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan projek pembangunan dan penyelidikan berkaitan bioteknologi.


1.4. Projek yang sedang dilaksanakan oleh KBCSB terdiri daripada lima projek iaitu tiga projek di bawah geran Kerajaan dan dua projek pembangunan harta tanah secara usaha sama. Projek geran Kerajaan terletak di Jajahan Machang dan Pasir Puteh manakala projek pembangunan harta tanah terletak di Jajahan Pasir Puteh dan Lojing. Maklumat projek dan lokasi projek yang sedang dilaksanakan oleh KBCSB adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Rajah 2**.

CARTA 1
PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH KBCSB



Sumber: KBCSB

RAJAH 2
LOKASI PROJEK KBCSB




Sumber: Jabatan Audit Negara

1.5. Lembaga Pengarah KBCSB terdiri daripada empat ahli iaitu dua pengarah berstatus bukan bebas dan dua pengarah berstatus bebas. Pengurusan KBCSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 18 kakitangan. Pengurus Besar yang terdahulu dilantik pada 26 April 2015 secara kontrak sehingga 1 Mei 2019. Selama 20 bulan kekosongan

jawatan Pengurus Besar tidak diisi sehingga kekosongan tersebut diisi semula pada 7 Februari 2021. KBCSB mempunyai empat bahagian iaitu Jabatan Akaun dan Kewangan; Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia; Jabatan Operasi; dan Jabatan Kawalan Kualiti. Jabatan Operasi terdiri daripada Unit Agrotech, Unit Kelantan International Organic Research Centre (KOR Centre), Unit Pengembangan Industri, Unit Hartanah dan Unit Pemasaran. Struktur organisasi KBCSB pada 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Carta 2** dan peranan setiap jabatan/unit adalah seperti dalam **Jadual 1**.

CARTA 2
STRUKTUR ORGANISASI KBCSB PADA 31 DISEMBER 2021



Sumber: KBCSB

JADUAL 1
PERANAN SETIAP JABATAN/UNIT KBCSB

NAMA JABATAN/UNIT	FUNGSI/PERANAN
Jabatan Akaun dan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan penyata kewangan syarikat dan kumpulan setiap tahun. Menyediakan laporan prestasi kewangan bulanan syarikat. Menyediakan bajet tahunan, penyatuan bajet daripada unit dan subsidiari. Memastikan rekod bulanan stok daripada unit operasi dihantar ke unit kewangan untuk direkodkan ke dalam sistem perakaunan dan penyediaan akaun bulanan pada minggu pertama setiap bulan. Memastikan penyata penyesuaian bank disediakan pada setiap bulan. Memastikan bayaran cukai tanah, lesen premis dan cukai taksiran dibayar pada setiap tahun.
Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> Merancang dan melaksanakan aktiviti korporat yang strategik. Memberi khidmat nasihat dan perundingan korporat untuk agensi yang berurusan dengan syarikat. Mengurus dan mengendalikan tindakan tatatertib kepada kakitangan syarikat. Mengendalikan urusan kebajikan kakitangan termasuk perubatan. Menyelaraskan latihan dan kursus kakitangan yang dianjurkan oleh agensi. Mengurus dan mengemas kini fail serta rekod perkhidmatan kakitangan. Mengurus dan menyelesaikan kenderaan syarikat. Mengurus dan mengemas kini pelan strategik syarikat.

NAMA JABATAN/UNIT	FUNGSI/PERANAN
Jabatan Operasi	<ul style="list-style-type: none"> Merancang, mengurus selia pengurusan dan memantau gerak kerja operasi, kewangan, tenaga kerja, penyelidikan dan pembangunan bagi Jabatan Operasi dan unit di bawah jabatan bagi memastikan syarikat mencapai sasaran dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Menjalankan aktiviti pengembangan operasi dan industri berkaitan pertanian, organik, bioteknologi pertanian dan kultur tisu tumbuhan (kerjasama strategik, sistem terkini, peningkatan kapasiti dan kualiti) dan aktiviti peningkatan kemahiran serta pengetahuan tenaga kerja di bawah jabatan. Menyediakan pelan perancangan dan gerak kerja serta aktiviti bagi mencapai sasaran pendapatan dan KPI yang ditetapkan.
Jabatan Kawalan Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> Menyemak kualiti bagi memastikan produk yang dihasilkan oleh syarikat telah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
Unit Agrotech	<ul style="list-style-type: none"> Merancang, memantau dan melaksanakan gerak kerja, aktiviti dan tenaga kerja berkaitan operasi pertanian dan nurseri. Menjalankan operasi berkaitan logistik syarikat seperti penghantaran produk dan pengambilan bahan mentah. Menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan pertanian, organik dan nurseri syarikat.
Unit KOR Centre	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan analisis kualiti, penyelidikan dan pembangunan produk di bawah KOR Centre. Membantu Unit Pengembangan Industri dengan mencari peluang niaga baru bagi mengembangkan sektor bioteknologi di Kelantan.
Unit Pengembangan Industri (Naimbif & Bio-ART)	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan gerak kerja dan aktiviti berkaitan pengurusan ternakan. Bertanggungjawab terhadap keselamatan kawasan dan haiwan ternakan yang berada di bawah jagaan sepenuh masa. Mengurus keluar masuk stok makanan, rekod kesihatan ternakan dan memastikan kebersihan kawasan serta penyenggaraan peralatan.
Unit Hartanah	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan laporan dan menguruskan hal berkaitan pembangunan harta tanah. Menguruskan sebut harga dan tender berkaitan pembangunan harta tanah.
Unit Pemasaran	<ul style="list-style-type: none"> Merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan pembangunan, jualan dan pemasaran produk syarikat bagi mencapai sasaran dan KPI yang telah ditetapkan. Memantau dan mengemas kini pangkalan data pengedar dan pelanggan serta menjalankan kajian pasaran produk. Menyertai program jualan dan pemasaran.

Sumber: KBCSB

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan KBCSB melalui aktiviti pembekalan produk pertanian, pelaksanaan projek geran Kerajaan dan pembangunan harta tanah yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Bagi pengauditan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti pembekalan produk pertanian, pelaksanaan projek geran Kerajaan dan pembangunan harta tanah secara usaha sama yang dilaksanakan oleh KBCSB dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021. Berdasarkan penilaian risiko, projek berkenaan diaudit kerana telah menyumbang antara

65.2% hingga 87.5% daripada jumlah pendapatan syarikat bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021.

3.2. Dua bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan aktiviti ialah prestasi dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai daripada aspek pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan aktiviti pula melibatkan tiga perkara iaitu aktiviti pembekalan produk pertanian, pelaksanaan projek geran Kerajaan dan pembangunan hartanah. Pengauditan ini juga melibatkan lapan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif; Setiausaha Syarikat; Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Prosedur Operasi Standard (SOP); Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam bagi tahun 2018 hingga 2021. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat KBCSB yang terletak di Jalan Kota Bharu-Machang, Machang. Lawatan fizikal Audit telah dijalankan terhadap keseluruhan (100%) lima projek pembangunan iaitu tiga projek geran Kerajaan dan dua projek pembangunan hartanah.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan KBCSB serta menganalisis data berkaitan. Lawatan fizikal Audit terhadap projek KBCSB telah dijalankan pada bulan Februari dan Mei 2022 untuk menentukan sama ada projek dilaksanakan mengikut tempoh dan syarat yang ditetapkan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan KBCSB tahun 2019 yang telah diaudit oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar serta penyata kewangan tahun 2020 dan 2021 yang telah diaudit oleh Tetuan Adib Azhar & Co. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan November 2021 hingga Mei 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada KBCSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 22 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Petunjuk Prestasi Utama

- a. KBCSB menentukan sasaran dan pencapaian tahunan syarikat melalui KPI. Pencapaian KPI KBCSB dinilai setiap suku tahun dan laporan pencapaian suku tahun tersebut dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah dan kepada PMBK sebagai perbadanan induk secara berkala setiap tahun. Secara keseluruhannya, KBCSB menetapkan antara empat hingga 11 sasaran KPI bagi tahun 2018 hingga 2021 melibatkan perspektif KPI Kewangan dan Pelanggan. Sasaran dan pencapaian KPI bagi KBCSB dari tahun 2018 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENCAPAIAN KPI KBCSB BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

BIL.	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
PERSPEKTIF KPI: KEWANGAN					
1.	Pendapatan	2018	RM1.70 Juta	TM	TM
		2019	RM2.21 Juta	TM	TM
		2020	RM1.79 Juta	RM1.56 Juta	87%
		2021	RM2.79 Juta	RM1.35 Juta	48%
2.	Pengurusan Bajet (penjimatan kos) <i>*kurang daripada 100% dianggap capai</i>	2018	Maklumat sasaran dan pencapaian tidak diisi		
		2019	RM2.29 Juta	RM0.47 Juta	20%
		2020	RM1.68 Juta	RM1.54 Juta	92%
		2021	RM2.67 Juta	RM1.36 Juta	51%
3.	Keuntungan	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2021		
		2019			
		2020			
		2021	RM85,581	RM74,385	87%
4.	Pengumuran Pembiutang dan Penghutang	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2021		
		2019			
		2020			
		2021	60 Hari	TM	TM
PERSPEKTIF KPI: PELANGGAN					
5.	Teguran Berulang daripada Pelanggan	2018	>3 Kes/Bulan	0 Kes	100%
		2019	>3 Kes/Bulan	0 Kes	100%
		2020	>3 Kes/Bulan	0 Kes	100%
		2021	>3 Kes/Bulan	0 Kes	100%

BIL.	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
6.	Kemuka Laporan Berkala kepada Induk	2018	Setiap 15hb.	15hb.	100%
		2019	Setiap 15hb.	15hb.	100%
		2020	Setiap 15hb.	15hb.	100%
		2021	Setiap 15hb.	15hb.	100%
7.	Sasaran Pengeluaran Produk KOR Centre	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2021		
		2019			
		2020			
		2021	90% Capai	100%	111%
8.	Sasaran Pengeluaran Produk Nurseri	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2021		
		2019			
		2020			
		2021	90% Capai	90%	100%
9.	Pelaksanaan Geran KOR Centre	2018	Indikator hanya diwujudkan pada tahun 2020		
		2019			
		2020	100%	95%	95%
		2021	Tiada indikator kerana projek telah siap		
10.	Pelaksanaan Program Unit Pengembangan Industri (ID)	2018	3 Program	3 Program	100%
		2019	3 Program	3 Program	100%
		2020	3 Program	3 Program	100%
		2021	3 Program	3 Program	100%
11.	Pelaksanaan Geran Projek Pelestarian Lembu Naimbif	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2020		
		2019			
		2020	65% Siap	57%	88%
		2021	90% Siap	98%	109%
12.	Pelaksanaan Geran Bio ART Centre	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2020		
		2019			
		2020	100% Siap (Makmal)	97%	97%
		2021	Tiada indikator kerana projek telah siap		
13.	Pengurusan Hartanah	2018	Indikator baru diwujudkan pada tahun 2020		
		2019			
		2020	100% Digunakan	66%	66%
		2021	50% Digunakan	44%	88%
14.	Pemasaran	2018	Indikator hanya diwujudkan pada tahun 2019 dan 2020		
		2019	RM47,300	RM21,492	45%
		2020	RM311,850	RM179,814	58%
		2021	Indikator hanya diwujudkan pada tahun 2019 dan 2020		

Nota: (TM) - Tiada maklumat

- KPI tahun 2018 yang dapat dicapai
- KPI tahun 2019 yang dapat dicapai
- KPI tahun 2020 yang dapat dicapai
- KPI tahun 2021 yang dapat dicapai

- b. Analisis Audit mendapati **bagi tahun 2018, sebanyak tiga (75%) daripada empat sasaran KPI telah dicapai. Bagi tahun 2019, daripada enam sasaran KPI yang ditetapkan, sebanyak empat (66.7%) KPI telah dicapai. Bagi tahun 2020 pula, daripada 10 sasaran KPI yang ditetapkan, sebanyak empat (40%) KPI telah dicapai. Bagi tahun 2021, sebanyak tujuh (63.6%) KPI telah dicapai daripada 11 sasaran KPI yang ditetapkan bagi tahun tersebut.**
- c. Semakan Audit turut mendapati bahawa KBCSB tidak merekodkan pencapaian sebenar Pendapatan bagi KPI tahun 2018 dan 2019. Bagi KPI Pengurusan Bajet pula, KBCSB tidak merekodkan maklumat sasaran dan pencapaian sebenar untuk tahun 2018. Selain itu, maklumat pencapaian bagi Pengumuran Pembiutang dan Penghutang juga tidak direkodkan dan tidak dibuat penilaian.
- d. Pencapaian indikator Pendapatan KBCSB bagi tahun 2020 adalah 87% daripada sasaran yang ditetapkan dan semakin berkurang kepada 48% bagi tahun 2021 kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi indikator Pelaksanaan Geran Projek Pelestarian Lembu Naim bif pula tidak mencapai sasaran bagi tahun 2020 kerana projek ubah suai kandang lewat disiapkan disebabkan oleh PKP. Indikator Pengurusan Hartanah pula tidak mencapai sasaran bagi tahun 2020 dan KBCSB telah membuat penilaian semula sasaran kepada 50% bagi tahun 2021 tetapi masih tidak dapat dicapai disebabkan pelaksanaan PKP. Indikator Pemasaran tidak mencapai sasaran disebabkan KBCSB lebih memberi tumpuan terhadap pelaksanaan projek/program Kerajaan di bawah EXCO Pertanian.
- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati **mekanisme pengukuran sasaran KPI berbeza bagi tahun 2018 hingga 2021 menyebabkan trend pencapaian prestasi KBCSB tidak dapat diukur secara setara dari tahun ke tahun.** Antara faktor yang menyumbang kepada perbezaan sasaran bagi tahun 2018 hingga 2021 adalah disebabkan kekosongan jawatan Pengurus Besar pada bulan Mei 2019 hingga Januari 2021 dan pertukaran Pengerusi serta Lembaga Pengarah pada tahun 2018.
- f. Selain itu, aktiviti KBCSB juga telah bertambah pada tahun 2020 melalui pelaksanaan projek pembangunan dengan menggunakan sumber kewangan daripada geran Kerajaan. Bagaimanapun, sasaran dan pencapaian KPI yang dibuat tidak menggambarkan pencapaian KPI tahunan yang sepatutnya bagi tempoh 12 bulan. Hal ini kerana maklumat yang direkodkan hanya merangkumi

pencapaian bagi bulan Januari hingga Oktober atau November setiap tahun kewangan. Perkara ini disebabkan mesyuarat yang diadakan bagi membentangkan laporan pencapaian KPI yang berkenaan dibuat pada bulan Disember setiap tahun.

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Penetapan KPI KBCSB adalah sebagaimana yang dipersetujui oleh Jabatan Pemantauan Prestasi PMBK. Pencapaian sangat bergantung kepada pelbagai faktor semasa, antaranya pandemik Covid-19 yang membataskan pencapaian KPI. Seboleh mungkin KBCSB ingin mencapai KPI yang ditetapkan kerana ia adalah asas kepada imbuhan pendapatan KBCSB.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, pencapaian KPI KBCSB berbanding sasaran sepanjang tempoh tahun 2018 hingga 2021 adalah kurang cekap iaitu antara 40% hingga 75%.

5.1.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Pendapatan utama KBCSB terdiri daripada jualan produk dan sewaan harta tanah. KBCSB merekodkan trend peningkatan dan penurunan jumlah pendapatan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Pada tahun 2020, pendapatan operasi lain mengalami peningkatan berikutan pengiktirafan geran dan keuntungan pelupusan aset. Bagaimanapun, pendapatan operasi lain mengalami penurunan pada tahun 2021 dan seterusnya menyebabkan pendapatan keseluruhan KBCSB turut berkurangan.
- b. Jumlah perbelanjaan pula menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. KBCSB mencatatkan penurunan jumlah perbelanjaan tahunan iaitu masing-masing sebanyak RM247,946 (2020) dan RM410,215 (2021) berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini disumbangkan oleh penurunan belanja operasi iaitu kos langsung masing-masing berjumlah RM230,029 (2020) dan RM257,266 (2021). Bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam kos lain seperti kos overhead dan belanja lain berjumlah RM176,825 (2020) dan kos kakitangan berjumlah RM169,696 (2021).


- c. KBCSB telah merekodkan kerugian sebelum cukai pada tahun 2019 dan keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2020 dan 2021. **Keuntungan yang dicatat pada tahun 2021 menurun sejumlah RM133,289 (58%) dari tahun 2020.** Keadaan ini berikutan penurunan jumlah pendapatan dan peningkatan kos kakitangan. Keuntungan bagi tempoh dua tahun ini menyumbang kepada pengurangan kerugian terkumpul kepada RM2.93 juta pada akhir tahun 2021.
- d. Trend pendapatan dan perbelanjaan; kerugian/keuntungan sebelum cukai dan kerugian terkumpul bagi tempoh tiga tahun adalah seperti dalam **Jadual 3, Carta 3** dan **Carta 4**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPATAN, PERBELANJAAN
DAN UNTUNG RUGI KBCSB BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021


BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Pendapatan Operasi			
- Jualan produk	1.08	0.76	0.80
- Sewaan harta tanah	0.29	0.24	0.26
Pendapatan Operasi Lain	0.20	1.01	0.40
JUMLAH PENDAPATAN	1.57	2.01	1.46
Perbelanjaan Operasi			
- Kos langsung	(1.02)	(0.80)	(0.54)
- Kos kakitangan	(0.54)	(0.39)	(0.55)
- Kos overhed dan belanja lain	(0.42)	(0.59)	(0.27)
Kos Kewangan	(0.04)	(0.00)	(0.00)
JUMLAH PERBELANJAAN	(2.02)	(1.78)	(1.36)
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	(0.45)	0.23	0.10
Cukai	(0.00)	(0.08)	(0.01)
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	(0.45)	0.15	0.09
KERUGIAN TERKUMPUL	(3.17)	(3.02)	(2.93)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KBCSB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

CARTA 3
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



CARTA 4
TREND KERUGIAN/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

- e. Jumlah aset pula didapati melebihi jumlah liabiliti bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Bagaimanapun, **jumlah aset menunjukkan trend penurunan disebabkan aset bukan semasa yang semakin berkurangan.** Aset KBCSB bagi tahun 2021 berjumlah RM3.10 juta iaitu menurun sebanyak RM239,797 (7.2%) berbanding tahun 2020. Bagi tahun 2020, aset KBCSB berjumlah RM3.34 juta menurun sebanyak RM0.88 juta (20.9%) berbanding RM4.22 juta pada tahun 2019. **Antara faktor utama penurunan aset adalah disebabkan jualan tanah dan kilang KBCSB serta pemindahan saham subsidiari iaitu Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd. kepada perbadanan induk bagi melupuskan hutang KBCSB kepada induk.** Liabiliti KBCSB bagi tahun 2021 berjumlah RM1.43 juta iaitu menurun sebanyak RM1.33 juta (48.2%) berbanding tahun 2020. Bagi tahun 2020, liabiliti berjumlah RM2.76 juta menurun sebanyak RM1.03 juta (27.2%) berbanding RM3.79 juta pada tahun 2019. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah liabiliti adalah penurunan dalam pendahuluan daripada perbadanan induk. Maklumat terperinci jumlah aset dan liabiliti adalah seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
KEDUDUKAN JUMLAH ASET DAN
LIABILITI KBCSB PADA TAHUN 2019, 2020 DAN 2021

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Aset Bukan Semasa	1.30	1.16	0.07
Aset Semasa	2.92	2.18	3.03
JUMLAH ASET	4.22	3.34	3.10
Liabiliti Bukan Semasa	0.54	0.44	0.07
Liabiliti Semasa	3.25	2.32	1.36
JUMLAH LIABILITI	3.79	2.76	1.43
Ekuiti	0.43	0.58	1.67
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	4.22	3.34	3.10

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KBCSB Bagi Tahun 2019, 2020 dan 2021

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Pada tahun 2021, KBCSB menerima kesan negatif langsung akibat dari langkah pengawalan pandemik Covid-19. Pergerakan operasi agak terbatas dan banyak program perlu ditunda berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KBCSB mengambil langkah yang perlu dalam mengurangkan perbelanjaan selaras dengan pengurangan pendapatan. Penambahan kos overhead dan belanja lain adalah dalam usaha memperkemaskan struktur organisasi serta penambahan kakitangan untuk lebih berdaya saing di masa hadapan.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan KBCSB adalah stabil berdasarkan pengurangan kerugian terkumpul dan keuntungan sebelum cukai. Bagaimanapun, dalam masa yang sama KBCSB terlalu bergantung kepada sumber kewangan daripada perbadanan induk untuk menjalankan operasinya. Syarikat masih mencatatkan kerugian terkumpul sehingga akhir tahun 2021.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan impak yang dihasilkan kesan daripada pelaksanaan aktiviti KBCSB dalam mencapai objektif pelaksanaan aktiviti atau objektif penubuhan syarikat.

5.1.2.1. Perkembangan Aktiviti KBCSB

- a. Mengikut Perlembagaan Syarikat, objektif utama KBCSB adalah menjalankan aktiviti berkaitan dengan pembangunan industri bioteknologi di negeri Kelantan. Semakan Audit mendapati objektif utama penubuhan KBCSB masih belum tercapai sepenuhnya walaupun KBCSB telah beroperasi melebihi 10 tahun. Aktiviti penyelidikan dan pengeluaran produk kecantikan dan penjagaan diri berasaskan minyak kelapa dara telah dihentikan dan diserahkan kepada anak syarikat KBCSB iaitu Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd. pada tahun 2016. Aktiviti pengeluaran tisu benih pisang pula dihentikan pada tahun 2019 apabila KBCSB mula mendapatkan bekalan benih pisang sepenuhnya daripada pembekal lain.
- b. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kebergantungan syarikat terhadap projek yang diberikan oleh Kerajaan. Selain itu, pelan strategik syarikat yang mengguna pakai program dan dasar Kerajaan negeri mengehadkan perkembangan aktiviti syarikat. Akibatnya, produk kecantikan dan tisu benih pisang yang dikeluarkan tidak dapat bertahan untuk jangka masa panjang dan gagal menghasilkan pulangan yang berterusan kepada syarikat.
- c. Mulai tahun 2013, KBCSB telah memberikan tumpuan kepada aktiviti pengeluaran baja organik dan produk bio pertanian di kilang sedia ada KBCSB. Seterusnya, pada tahun 2020 kilang tersebut telah diubah suai dengan menggunakan geran Kerajaan dan dinamakan sebagai KOR Centre. KBCSB juga melaksanakan dua lagi projek dengan menggunakan geran Kerajaan iaitu Projek Pelestarian Lembu Naim bif dan Makmal Biotech Animal Reproduction Centre (Bio ART Centre). Selain itu, KBCSB turut terlibat dalam aktiviti pembangunan harta tanah. Maklumat perkembangan operasi KBCSB adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERKEMBANGAN AKTIVITI KBCSB
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2021

AKTIVITI	TEMPOH	STATUS
PENGELUARAN PRODUK		
i. Produk kecantikan dan penjagaan diri berasaskan minyak kelapa dara	2007 - 2016	x
ii. Pengeluaran tisu benih pisang	2009 - 2019	x
iii. Produk agro bio dan baja organik	2013 - kini	✓
PEMBANGUNAN HARTANAH		
i. Projek Green Valley Bio Park, Lojing	2016 - kini	✓
ii. Projek Kelantan Bio Valley, Pasir Puteh	2017 - kini	✓

AKTIVITI	TEMPOH	STATUS
GERAN KERAJAAN		
i. Pelestarian Lembu Naimbitf	2019 - kini	✓
ii. Makmal Bio ART Centre	2020 - kini	✓
iii. KOR Centre	2020 - kini	✓

Sumber: KBCSB

Nota: (x) - aktiviti yang telah dihentikan
 (✓) - aktiviti yang masih dijalankan

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Sesebuah syarikat mestilah dinamik dan sentiasa berubah mengikut keperluan semasa. Berdasarkan kepada prestasi kewangan ketika KBCSB terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan pengeluaran produk minyak kelapa dara dan tisu benih pisang, pulangan daripada aktiviti tersebut tidak mampu untuk menampung kos operasi dan overhead syarikat serta menyebabkan KBCSB menanggung tunggakan hutang. Menyedari keadaan di mana risiko kerugian yang lebih teruk mungkin akan ditanggung oleh KBCSB jika meneruskan aktiviti tersebut, maka KBCSB memilih untuk fokus kepada projek dan pembuatan produk berasaskan agro. Keputusan syarikat untuk memberi penumpuan kepada industri agro adalah sesuai dengan keperluan berterusan masyarakat masa kini malah dipersetujui oleh ahli Lembaga Pengarah KBCSB serta turut digalakkan dalam penilaian prestasi oleh perbadanan induk.

Pendapat Audit | **KBCSB tidak berjaya mencapai sepenuhnya objektif penubuhan syarikat dengan penamatkan pengeluaran dua produk utama syarikat. Bagaimanapun, mulai tahun 2013 KBCSB telah mengeluarkan dan memperkenalkan produk baharu iaitu baja organik dan bio pertanian.**

5.1.2.2. Pembangunan Hartanah

- a. Pembangunan harta tanah merupakan salah satu daripada objektif penubuhan KBCSB sebagaimana dinyatakan dalam Perlembagaan Syarikat. Pada tahun 2016, KBCSB telah memperoleh sebidang tanah daripada Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) seluas 60 ekar di Lojing bagi projek pembangunan Green Valley Bio Park. Tanah tersebut diperoleh secara pajakan bagi tempoh 30 tahun dengan kos sewa tahunan berjumlah antara RM21,600 hingga RM180,000 dan kos pampasan sewa berjumlah RM119,108. Seterusnya, pada 9 November 2017, KBCSB memperoleh

sebidang lagi tanah dengan keluasan 150.8 ekar yang terletak di Gong Datok, Pasir Puteh untuk dibangunkan sebagai Projek Kelantan Bio Valley. Tanah ini pula diperoleh daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian secara pajakan 21 tahun dengan kos tahunan sejumlah RM17,449.

- b. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2021 tujuh perjanjian pembangunan telah ditandatangani dengan syarikat usaha sama sebagaimana tujuan yang telah ditetapkan semasa memperoleh tanah tersebut. Empat perjanjian pembangunan melibatkan tanah seluas 59 ekar bagi melaksanakan Projek Green Valley Bio Park dan tiga perjanjian melibatkan tanah seluas 49 ekar untuk Projek Kelantan Bio Valley. Semua perjanjian yang telah ditandatangani merupakan perjanjian pembangunan projek secara usaha sama. Selain itu, bagi Projek Kelantan Bio Valley, kawasan seluas 25 ekar belum mempunyai sebarang perjanjian manakala 76 ekar lagi diputuskan untuk dibangunkan sendiri dengan menggunakan sumber kewangan KBCSB/peruntukan Kerajaan.
- c. Secara keseluruhannya, 98.3% keluasan tanah yang diperoleh bagi Projek Green Valley Bio Park, Lojing telah ditandatangani perjanjian dan pembangunan telah dimulakan. Manakala 66.2% keluasan tanah dikenal pasti untuk dibangunkan secara usaha sama bagi Projek Kelantan Bio Valley, Pasir Puteh telah ditandatangani perjanjian. Sehingga bulan Disember 2021, **projek dan perjanjian pembangunan yang ditandatangani tersebut berpotensi memberikan pulangan berjumlah RM1.40 juta kepada KBCSB. Bagaimanapun, jumlah pendapatan sebenar yang diterima KBCSB adalah berjumlah RM1 juta (71.4%) disebabkan oleh pelaksanaan PKP dan masalah penerokaan haram.** Maklumat lanjut prestasi pembangunan hartanah KBCSB adalah seperti **Jadual 6**.

**JADUAL 6
MAKLUMAT PEMBANGUNAN
HARTANAH KBCSB SEHINGGA 31 DISEMBER 2021**

NAMA PROJEK	TARIKH PERJANJIAN/ SURAT KELULUSAN PAJAKAN	KELUASAN KAWASAN PAJAKAN (Ekar)	TARIKH PERJANJIAN PEMBANGUNAN	KELUASAN PERJANJIAN USAHA SAMA (Ekar)
Green Valley Bio Park, Lojing	25 Januari 2016	60.0	11 Disember 2018	43.4
			1 Julai 2019	4.8
			1 Julai 2019	1.5
			31 Julai 2019	9.3
JUMLAH		60.0		59.0

NAMA PROJEK	TARIKH PERJANJIAN/SURAT KELULUSAN PAJAKAN	KELUASAN KAWASAN PAJAKAN (Ekar)	TARIKH PERJANJIAN PEMBANGUNAN	KELUASAN PERJANJIAN USAHA SAMA (Ekar)	
Kelantan Bio Valley, Pasir Puteh	9 November 2017	150.8	27 Disember 2018	41.0	
			28 Februari 2019	5.0	
			1 Julai 2019	3.0	
			Belum tandatangan	25.0	
			*	76.0	
JUMLAH		150.8		150.0	
JUMLAH KESELURUHAN		210.8		209.0	

Sumber: Perjanjian Usaha Sama KBCSB

Nota: (*) - Kawasan yang akan dibangunkan dengan sumber kewangan KBCSB/peruntukan kerajaan

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Bagi Projek Kelantan Bio Valley, isu penerokaan haram antara halangan utama pihak pelabur dalam membangunkan projek tersebut. KBCSB mengalami kesukaran dalam mengambil tindakan kerana KBCSB bukanlah pemilik hakiki tanah tersebut. Masalah ini telah dimaklumkan kepada Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) Pasir Puteh, namun belum ada sebarang tindakan diambil pada masa ini.

Pendapat Audit	Perjanjian pembangunan hartanah yang ditandatangani dengan syarikat usaha sama berpotensi memberikan pulangan kepada KBCSB dan selaras dengan objektif syarikat.
-----------------------	---

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Pengurusan Pembekalan Produk Pertanian

- Berdasarkan Program Hala Tuju Portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), KBCSB adalah merupakan agensi pelaksana bagi projek Kerajaan negeri di bawah EXCO Pertanian selaras dengan status syarikat sebagai anak syarikat Kerajaan negeri dan peneraju utama bidang bioteknologi di negeri Kelantan.

- b. Semakan Audit mendapati KBCSB melaksanakan peranannya sebagai agensi pelaksana projek Kerajaan negeri di bawah EXCO Pertanian. Sebagai agensi pelaksana bagi Program EXCO Pertanian, peranan KBCSB adalah sebagai pengeluar dan membekalkan produk kepada pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan. KBCSB juga menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk rujukan pejabat ADUN mengenai kaedah pengagihan kit dapur hijau dan baja organik kepada peserta. Selain itu, KBCSB turut menjalankan peranan sebagai urus setia majlis dan latihan.
- c. Bagi tahun 2018 hingga 2021, **hasil jualan aktiviti pembekalan produk pertanian sejumlah RM3.55 juta (55%) daripada keseluruhan hasil KBCSB berjumlah RM6.45 juta. Sejumlah RM2.68 juta (75.6%) daripada aktiviti pembekalan produk merupakan jualan bagi program EXCO Pertanian** manakala selebihnya adalah jualan kepada agensi Kerajaan/ADUN dan jualan tunai daripada aktiviti pemasaran. Maklumat terperinci sumber pendapatan pembekalan produk adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PECAHAN AKTIVITI PEMBEKALAN PRODUK
PERTANIAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2021

PERKARA	JUALAN					
	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH	
					(RM)	(%)
Program EXCO Pertanian	690,716	843,746	490,589	654,484	2,679,535	75.6
Aktiviti Pemasaran/Jualan Tunai	177,774	184,983	185,240	137,031	685,028	19.3
Agensi Kerajaan/ADUN	119,030	30,400	31,350	500	181,280	5.1
JUMLAH	987,520	1,059,129	707,179	792,015	3,545,843	100

Sumber: Lejar KBCSB

- d. Program di bawah EXCO Pertanian yang melibatkan KBCSB sebagai pembekal produk antaranya seperti program subsidi baja organik dan Dapur Hijau. Maklumat terperinci mengenai aktiviti pembekalan produk pertanian KBCSB untuk Program EXCO Pertanian bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
AKTIVITI PEMBEKALAN PRODUK PERTANIAN KBCSB UNTUK
PROGRAM EXCO PERTANIAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2021

PROGRAM/PRODUK	JUALAN (RM)				
	2018	2019	2020	2021	JUMLAH
Baja Organik	346,646	547,616	177,289	176,368	1,247,919
Kit Dapur Hijau	150,420	152,800	164,400	141,000	608,620
Urus Setia Majlis	175,050	48,100	0	0	223,150
Pembinaan kandang	0	0	0	161,000	161,000
Peralatan Kelulut	0	45,000	19,925	46,000	110,925
Pelbagai Anak Pokok	0	7,300	31,975	37,250	76,525
Mesin dan Peralatan	0	0	20,000	48,866	68,866
Agro Bio Class	18,000	18,000	18,000	0	54,000
Kit Tani Bantuan Covid-19	0	0	24,000	0	24,000
Lain-lain	600	24,930	35,000	44,000	104,530
JUMLAH	690,716	843,746	490,589	654,484	2,679,535

Sumber: Lejar KBCSB

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

KBCSB sedar akan situasi ini, malah dalam usaha mencari dan membina teras aktiviti utama yang lebih stabil dan tetap agar kebergantungan kepada projek Kerajaan negeri dapat dikurangkan. Bagi tujuan ini juga, KBCSB kini dalam proses untuk mengusahakan aktiviti tanaman foder (rumput untuk makanan ternakan) dan penghasilan semen beku untuk dijadikan produk jualan sebagai sumber pendapatan KBCSB pada masa akan datang.

Pendapat Audit	Aktiviti pembekalan produk pertanian yang terlalu bergantung kepada perbelanjaan Kerajaan negeri telah membataskan perkembangan operasi KBCSB disebabkan peruntukan Kerajaan yang terhad.
-----------------------	--

5.2.2. Pengurusan Projek Geran Kerajaan

Pelaksanaan projek geran Kerajaan oleh KBCSB adalah berdasarkan Hala Tuju KBCSB Bagi Tahun 2018 Hingga 2022 serta Dasar Pertanian dan Pelan Tindakan Strategik Pertanian Negeri Kelantan 2021 Hingga 2025. Sepanjang tempoh tahun 2019 hingga 2021, terdapat tiga projek yang dilaksanakan oleh KBCSB dengan menggunakan geran Kerajaan berjumlah RM582,000. Kesemua geran tersebut disalurkan oleh Kerajaan kepada PMBK dan akan dituntut oleh KBCSB secara berperingkat dalam

tempoh projek berkenaan dilaksanakan. KBCSB tidak menyediakan SOP khusus bagi pengurusan projek yang menggunakan geran Kerajaan. Semakan Audit terhadap projek geran Kerajaan mendapati perkara berikut:

5.2.2.1. Status Projek Geran Kerajaan

- a. Geran Kerajaan bagi Projek KOR Centre dan Projek Makmal Bio ART Centre telah dibelanjakan sepenuhnya. Projek KOR Centre telah mencapai objektif projek dan mula beroperasi pada tahun 2021, manakala Projek Makmal Bio ART Centre masih belum memulakan operasi. Projek Pelestarian Lembu Naimbif pula merupakan projek jangka panjang yang dilaksanakan secara berperingkat dan masih memerlukan peruntukan tambahan untuk menjayakannya. Maklumat terperinci berkaitan tujuan pelaksanaan geran, objektif dan status projek adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
STATUS PROJEK GERAN KERAJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

BIL.	GERAN/ PERUNTUKAN	TUJUAN	OBJEKTIF PROJEK	STATUS PROJEK
1.	Projek Pelestarian Lembu Naimbif/ RM292,000	Perolehan lembu dan pengubahsuaian kandang sedia ada	Pembelian baka induk pejantan sebanyak 5 ekor dan pengubahsuaian kandang (2020)	Belum tercapai Kerana hanya memperoleh seekor lembu pejantan sehingga Disember 2021 dan kandang belum siap diubah suai
			Pelaksanaan kajian kebolehan genetik dari baka induk (2021 hingga 2023)	Belum tercapai Lembu yang dibeli masih belum ditempatkan di kandang yang ditetapkan
			Penghasilan semen beku (2023 hingga 2025)	TB
2.	Projek Makmal Bio ART Centre/ RM100,000	Pengubahsuaian bangunan lama untuk dijadikan makmal memproses semen beku	Makmal Bio ART Centre mula beroperasi (2020)	Belum tercapai Proses pengubahsuaian makmal telah siap sepenuhnya pada tahun 2020 tetapi belum beroperasi
			Pelaksanaan kajian kebolehan genetik dari baka induk (2021 hingga 2023)	Belum tercapai Lembu yang dibeli masih belum ditempatkan di kandang yang ditetapkan sehingga akhir tahun 2021
			Penghasilan semen beku (2023 hingga 2025)	TB
3.	Projek KOR Centre/ RM190,000	Pengubahsuaian kilang dan perolehan peralatan	Operasi dalam skala perintis (2020 hingga 2021)	Tercapai
			Penghasilan produk baja organik mencapai standard dan pasaran Kelantan (2022 hingga 2024)	Tercapai

BIL.	GERAN/ PERUNTUKAN	TUJUAN	OBJEKTIF PROJEK	STATUS PROJEK
			Memenuhi pasaran tempatan luar Kelantan dan antarabangsa (2025)	TB

Sumber: KBCSB dan Jabatan Audit Negara

Nota: (TB) - Tidak Berkenaan kerana belum mencapai tempoh sasaran yang ditetapkan

- b. Projek Bio ART Centre masih belum beroperasi disebabkan projek tersebut mempunyai kaitan secara langsung dengan projek Pelestarian Lembu Naim bif yang masih belum mencapai objektif projek. Keadaan ini berlaku disebabkan kesukaran untuk mendapatkan lembu yang memenuhi spesifikasi dan melepas saringan yang dibuat. Justeru itu, objektif projek bagi melaksanakan kajian kebolehan genetik dari baka induk pada tahun 2021 tidak tercapai.

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Projek ini adalah yang pertama di Kelantan dan warga kerja KBCSB masih dalam fasa latihan serta penambahbaikan berterusan demi memastikan projek ini dapat dilaksanakan sebaiknya dan memberi hasil yang terbaik untuk semua pihak. Pelaksanaan projek yang melibatkan aset biologi yang digabungkan dengan teknologi yang tinggi adalah bergantung kepada banyak faktor teknikal di luar kawalan. KBCSB juga harus mengubah suai fasiliti sedia ada untuk dijadikan tempat yang kondusif bagi tujuan projek dengan bajet dan kakitangan yang terhad. Setiap keputusan dan tindakan yang dilakukan adalah melalui perbincangan dan khidmat nasihat serta pengesyoran oleh pihak yang lebih pakar iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVNK) dan juga Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK). Dalam ujian saringan yang dibuat pada tahun 2019, hanya seekor lembu pejantan yang berjaya melepas saringan.

Pendapat Audit	KBCSB telah menggunakan geran Kerajaan mengikut tujuannya walaupun beberapa objektif projek masih belum dicapai kerana kekangan yang dihadapi oleh syarikat. Antara kekangan tersebut adalah kesukaran untuk memenuhi kriteria dan spesifikasi yang ditetapkan bagi Projek Pelestarian Lembu Naim bif yang turut menjaskankan pencapaian Projek Bio ART Centre.
---------------------------	--

5.2.2.2. Projek KOR Centre

- a. Projek KOR Centre adalah projek yang dilaksanakan untuk menyokong aktiviti pertanian organik. Pertanian organik merupakan sistem pengeluaran tanaman yang boleh mengekalkan kualiti tanah dan keseimbangan ekosistem. Projek ini diberikan peruntukan geran berjumlah RM190,000 bertujuan menaik taraf kilang pemprosesan dan membeli mesin, peralatan dan keperluan lain yang berkaitan.
- b. Projek tersebut telah siap sepenuhnya pada tahun 2020. Kilang yang dinaik taraf telah beroperasi dan menghasilkan beberapa jenis produk baja organik dan bio pertanian seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**. Keadaan Projek KOR Centre semasa lawatan Audit pada 9 Februari 2022 adalah seperti dalam **Gambar 3** hingga **Gambar 6**.

GAMBAR 1



Labok, Machang
- Antara Produk Baja Organik dan Bio Pertanian yang Sedia untuk Dipasarkan (09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Labok, Machang
- Antara Produk yang Dihasilkan: BioHijja Farm (09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Labok, Machang
- Bangunan KOR Centre (09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Labok, Machang
- Mesin Memproses Baja (09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5

Labok, Machang
- Stockpile Baja
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6

Labok, Machang
- Peralatan Memproses Baja
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Projek ini diharapkan dapat memenuhi permintaan dan menawarkan produk kepada golongan sasar masyarakat. Projek ini juga dijangkakan dapat menyumbang pendapatan kepada KBCSB pada masa akan datang dengan pengeluaran produk yang lebih berdaya saing.

**Pendapat
Audit**

Projek KOR Centre telah dilaksanakan dengan teratur dan mendatangkan hasil kepada syarikat walaupun tiada SOP bagi pelaksanaan projek geran Kerajaan.

5.2.2.3. Projek Pelestarian Lembu Naimbif

- a. Aspek perancangan merupakan salah satu elemen utama dalam pelaksanaan sesuatu projek bagi memastikan peruntukan kewangan dan sumber bukan kewangan seperti sumber manusia, kepakaran dan peralatan adalah mencukupi. Projek yang dirancang dengan baik juga akan memudahkan pelaksanaan dibuat dan menyebabkan objektif projek berjaya dicapai dan diuruskan dengan berkesan.
- b. KBCSB telah diberikan peruntukan geran Kerajaan berjumlah RM292,000 bagi Projek Pelestarian Lembu Naimbif di bawah Pelan Strategik Pembangunan Kelantan sebagai Lembah Agro Bio yang dilancarkan pada tahun 2018. Naimbif adalah satu sistem pengeluaran lembu pedaging secara permanen beradas yang mendapat akreditasi berdasarkan kepada pengeluaran induk kacukan *charolais* generasi F2 dan F3. Sasaran KBCSB bagi projek ini adalah untuk mengubah suai kandang dan memperoleh lima induk lembu pejantan yang berkualiti. Projek ini

mula dilaksanakan oleh KBCSB pada tahun 2019 dan sehingga bulan Disember 2021, sejumlah RM252,422 telah dibelanjakan.

- c. Semakan Audit mendapati **perancangan yang dibuat oleh KBCSB bagi pelaksanaan Projek Pelestarian Lembu Naim bif adalah tidak teratur**. KBCSB telah menyediakan jadual perbatuan bagi pelaksanaan projek tersebut. Berdasarkan jadual perbatuan tersebut, KBCSB perlu menambah baik fasiliti dan infrastruktur sedia ada terlebih dahulu sebelum menempatkan lembu pejantan yang dibeli. Bagaimanapun, **jadual perbatuan tersebut tidak menetapkan sasaran masa yang sepatutnya perolehan lembu tersebut perlu dibuat**.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati KBCSB telah membuat perolehan seekor lembu pejantan yang bernilai RM20,000 pada tahun 2019 sebelum melaksanakan pengubahsuaian terhadap kandang sedia ada. Ini menyebabkan KBCSB tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk menempatkan lembu berkenaan dan terpaksa diserahkan kepada pemilik asal untuk dijaga dengan dikenakan bayaran sebagai kos penjagaan. Penjagaan lembu oleh pihak lain menyebabkan kesihatan lembu tidak dapat dipantau secara terus oleh KBCSB. **Kelemahan dalam perancangan berlaku disebabkan tiada SOP yang disediakan oleh KBCSB bagi melaksanakan aktiviti yang melibatkan geran Kerajaan**. Sehingga bulan Disember 2021, sejumlah RM24,045 telah dibelanjakan oleh KBCSB sebagai kos upah penjagaan dan makanan untuk lembu tersebut.
- e. Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Lembaga Pengarah KBCSB Bil. 55 (4/2021) yang bertarikh 22 Disember 2021 mendapati lembu pejantan tersebut telah disahkan tidak sesuai untuk projek. Perkara ini berlaku disebabkan lembu berkenaan telah dijangkiti penyakit dan dicadang untuk dilupuskan melalui kaedah penjualan daging. Lawatan Audit pada 9 Februari 2022 mendapati kandang yang telah siap diubah suai masih kosong kerana lembu tersebut telah dilupuskan dalam bulan Januari 2022. Pelupusan lembu yang dijual pada harga RM13,200 sahaja telah memberi kesan terhadap objektif projek dan menjelaskan keuntungan KBCSB. Keadaan projek semasa lawatan Audit adalah seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

GAMBAR 7



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Kandang yang Telah Diubah Suai
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Kandang yang Telah Diubah Suai
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Pada bulan Mac 2022, dua ekor lembu pejantan yang berjaya melepas kesemua ujian dan saringan telah dibawa masuk ke tapak projek untuk proses latihan bagi kutipan semen. Kakitangan khusus juga telah ditempatkan di tapak projek bagi tujuan pemfokusan dalam latihan dan ujian pемbiakbaakan sebelum boleh dipasarkan secara meluas dan memberi pulangan hasil kepada syarikat.

Pendapat Audit | Pelaksanaan Projek Pelestarian Lembu Naimbif tidak teratur disebabkan kelemahan dalam aspek perancangan.

5.2.2.4. Projek Makmal Bio ART Centre

- a. Projek Bio ART Centre yang diberikan geran berjumlah RM100,000 merupakan satu projek menaik taraf bangunan lama untuk dijadikan makmal memproses semen beku Lembu Naimbif dan perolehan peralatan berkaitan. Projek ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menggerakkan program kutipan dan pembekuan semen yang diambil daripada baka lembu terpilih. Semen tersebut akan dijalankan uji kaji sebelum dibekukan dan disimpan dalam makmal Bio ART Centre untuk dibekalkan kepada para penternak lembu.
- b. Semakan Audit mendapati projek menaik taraf makmal dan melaksanakan perolehan peralatan makmal Bio ART Centre telah selesai dijalankan dan peruntukan geran Kerajaan berjumlah RM100,000 telah dibelanjakan sepenuhnya pada tahun 2020. Bagaimanapun, **makmal tersebut tidak dapat memulakan operasi disebabkan masalah yang dihadapi oleh KBCSB dalam menguruskan Projek Pelestarian Lembu Naimbif**

dan ini telah menjaskan objektif Projek Bio ART Centre. Kesannya, projek menaik taraf yang dilaksanakan berserta peralatan yang dibeli antara bulan Mei hingga Disember 2020 masih tidak dapat dimanfaatkan. Lawatan fizikal Audit yang dijalankan pada 9 Februari 2022 mendapati keadaan projek adalah seperti dalam **Gambar 9** hingga **Gambar 14**.

GAMBAR 9



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Bangunan Makmal Bio ART Centre
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Freezer yang Masih Belum Digunakan
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Peralatan yang Belum Digunakan
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Peralatan yang Belum Digunakan
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Peralatan yang Belum Digunakan
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Jeram Pasu, Pasir Puteh
- Peralatan yang Belum Digunakan
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Pada pertengahan bulan Mac 2022, KBCSB telah memulakan operasi makmal Bio ART Centre dengan menjalankan aktiviti penyelidikan setelah kemasukan dua ekor lembu pejantan ke tapak projek.

Pendapat Audit | **Operasi Projek Bio ART Centre lewat dimulakan kerana lembu yang diperoleh hanya ditempatkan di tapak projek pada bulan Mac 2022.**

5.2.2.5. Perolehan Aset Menggunakan Geran Kerajaan Tidak Diakaunkan Sewajarnya

- Perbelanjaan bagi geran Kerajaan sepatutnya dikelaskan dan direkod mengikut jenis perbelanjaan terlibat sama ada perbelanjaan operasi (tidak dipermudahkan) atau perolehan aset (dipermudahkan). Berdasarkan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) (Seksyen 2), definisi aset adalah sumber yang dikawal oleh entiti dan dijangka akan mendatangkan manfaat ekonomi di masa hadapan, iaitu berpotensi untuk menyumbang aliran tunai secara langsung atau tidak langsung kepada entiti sama ada daripada penggunaan atau pelupusan aset.
- Semakan Audit mendapati KBCSB telah menggunakan sebahagian daripada peruntukan geran Kerajaan bagi memperoleh aset seperti mesin dan peralatan, aset biologi, kenderaan serta kerja ubah suai yang berkaitan dengan tujuan geran tersebut. Bagi tahun 2019 hingga 2021, **sejumlah RM265,330 telah dikenal pasti sebagai perbelanjaan yang melibatkan perolehan aset menggunakan geran Kerajaan.** Daripada jumlah tersebut, RM74,973 telah dibelanjakan untuk perolehan aset bagi Projek KOR Centre, sejumlah RM129,170 bagi Projek Pelestarian Lembu Naimbif dan sejumlah RM61,187 bagi Projek Bio ART Centre. Maklumat terperinci adalah seperti dalam **Jadual 10.**

**JADUAL 10
PEROLEHAN ASET MENGGUNAKAN GERAN KERAJAAN**

BIL.	KATEGORI ASET	TARIKH PEROLEHAN	AMAUN (RM)
PROJEK KOR CENTRE			
1.	Mesin dan Peralatan	21.05.2019 hingga 28.10.2020	69,683
2.	Ubah Suai	03.10.2019 dan 28.10.2020	5,290
ASET PROJEK KOR CENTRE			74,973

BIL.	KATEGORI ASET	TARIKH PEROLEHAN	AMAUN (RM)
PROJEK PELESTARIAN LEMBU NAIMBIF			
3.	Aset Biologi	11.07.2019	20,000
4.	Ubah Suai	06.09.2020 hingga 08.11.2021	75,780
5.	Mesin dan Peralatan	28.10.2020 hingga 16.06.2021	33,390
ASET PROJEK PELESTARIAN LEMBU NAIMBIF			129,170
PROJEK MAKMAL BIO ART CENTRE			
6.	Mesin dan Peralatan	15.05.2020 hingga 08.12.2020	36,857
7.	Ubah Suai	06.09.2020 hingga 09.12.2020	22,130
8.	Kenderaan	26.10.2020	2,200
ASET PROJEK BIO ART CENTRE			61,187
JUMLAH KESELURUHAN ASET GERAN KERAJAAN			265,330

Sumber: Lejar KBCSB dan Jabatan Audit Negara

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati, **catatan perakaunan KBCSB dalam merekod perolehan kesemua aset tersebut sebagai belanja adalah tidak selaras dengan standard MPERS dan prinsip perakaunan.** Berdasarkan rekod perakaunan KBCSB, kesemua perbelanjaan yang dibuat bagi projek geran Kerajaan akan direkodkan sebagai Kerja Dalam Pelaksanaan, tanpa mengambil kira sama ada ia aset atau perbelanjaan operasi. Seterusnya, apabila projek tersebut telah siap sepenuhnya, amaun berkenaan akan dipindahkan sebagai belanja yang merupakan item dalam penyata pendapatan. Catatan perakaunan yang telah dibuat oleh KBCSB berbanding catatan yang sepatutnya dibuat seperti dalam **Jadual 11** berikut.

**JADUAL 11
PERBANDINGAN ANTARA REKOD
PERAKAUNAN KBCSB DAN CATATAN SEPATUTNYA**

CATATAN YANG DIBUAT OLEH KBCSB	CATATAN YANG SEPATUTNYA
1. Merekod geran pembangunan yang diterima: <i>Dt Bank</i> <i>Kt Geran Tertunda (Liabiliti)</i>	1. Merekod geran pembangunan yang diterima: <i>Dt Bank</i> <i>Kt Geran Tertunda (Liabiliti)</i>
2. Pembelian aset untuk projek geran Kerajaan: Dt Kerja Dalam Pelaksanaan <i>Kt Bank</i>	2. Pembelian aset untuk projek geran Kerajaan: Dt Aset <i>Kt Bank</i>
3. Apabila projek geran telah siap sepenuhnya, jumlah keseluruhan Kerja Dalam Pelaksanaan dimasukkan sebagai belanja: Dt Belanja Kt Kerja Dalam Pelaksanaan	3. Merekod geran pembangunan yang dilunaskan untuk pembelian aset: <i>Dt Geran Tertunda (Liabiliti)</i> <i>Kt Geran Pembangunan Dilunaskan (Hasil)</i>

CATATAN YANG DIBUAT OLEH KBCSB	CATATAN YANG SEPUTUTNYA
<p>4. Merekod geran pembangunan yang dilunaskan untuk pembelian aset:</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>Dt Geran Tertunda (Liabiliti)</i> <i>Kt Geran Pembangunan Dilunaskan (Hasil)</i></p>	

Sumber: Lejar KBCSB dan Jabatan Audit Negara

Nota: (Dt) - Debit

(Kt) - Kredit

- d. Keadaan ini memberi kesan kepada penyata kewangan KBCSB di mana telah menyebabkan nilai aset terkurang nyata manakala nilai belanja terlebih nyata. KBCSB perlu melaksanakan pelarasan pada tahun akan datang bagi memastikan ketepatan angka dalam penyata kewangan serta memberikan gambaran yang benar dan saksama.

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Catatan perakaunan tersebut dibuat dengan mengambil kira geran projek adalah *one-off project based grant* di mana sebarang perolehan aset dan perbelanjaan projek adalah dianggap sebagai belanja habis guna. Langkah perekodan kesemua perbelanjaan yang dibuat bagi projek geran Kerajaan sebagai Kerja Dalam Pelaksanaan juga adalah saranan hasil perbincangan dalam mesyuarat prestasi bersama perbadanan induk memandangkan projek masih belum siap sepenuhnya dan tidak boleh dianggap sebagai belanja pada tempoh perakaunan tersebut. Namun begitu, KBCSB mengambil maklum akan pengesyoran oleh Jabatan Audit Negara dan akan memperbaiki perekodan tersebut setelah perbincangan lanjut dibuat bersama pihak berkaitan untuk tujuan penambahbaikan pelaporan akaun syarikat.

Pendapat Audit	Perolehan aset menggunakan geran Kerajaan yang tidak direkodkan sewajarnya menyebabkan kedudukan kewangan syarikat tidak menggambarkan keadaan yang sebenar.
-----------------------	---

5.2.3. Pengurusan Pembangunan Hartanah

KBCSB telah memperoleh dua bidang tanah iaitu seluas 60 ekar bagi Projek Green Valley Bio Park, Lojing pada tahun 2016 dan seluas 150.8 ekar bagi Projek Kelantan Bio Valley, Pasir Puteh pada tahun 2017.

5.2.3.1. Hasil Sewa Belum Diterima Daripada Syarikat Usaha Sama

a. Projek Kelantan Bio Valley

- i. Bagi Projek Kelantan Bio Valley, Pasir Puteh, sehingga bulan Disember 2021, tiga perjanjian usaha sama telah ditandatangani melibatkan kawasan seluas 49 ekar. Mengikut perjanjian, syarikat usaha sama perlu menjelaskan bayaran berjumlah RM253,000 kepada KBCSB. Bayaran tersebut merangkumi bayaran cagaran, bayaran komitmen dan sewa tahunan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Sewa tahunan kemudiannya akan diubah menjadi pembahagian keuntungan/pendapatan sekiranya nilai pembahagian (pada kadar antara 10% hingga 30% daripada keuntungan/pendapatan) adalah lebih tinggi daripada kadar sewa.
- ii. Semakan Audit mendapati, syarikat usaha sama telah menjelaskan bayaran berjumlah RM156,000 iaitu bagi bayaran cagaran dan komitmen. Bagaimanapun, bayaran bagi sewa tahunan tidak dijelaskan disebabkan pelaksanaan PKP dan berlaku penerokaan haram oleh penduduk setempat yang menjalankan aktiviti pertanian dengan penanaman pokok buah-buahan dan getah di kawasan yang akan dibangunkan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati **KBCSB tidak merekodkan hasil sewa berjumlah RM97,000 yang sepatutnya diterima bagi tahun 2020 dan 2021 ke dalam rekod perakaunan syarikat.** Pihak Audit dimaklumkan bahawa syarikat usaha sama telah diberikan pengecualian bayaran hasil sewa tersebut disebabkan oleh faktor di luar kawalan. Namun begitu, tiada sebarang maklumat berkaitan keputusan pengecualian tersebut dicatatkan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.
- iv. Keadaan ini telah menjaskan pendapatan KBCSB yang mengalami kehilangan hasil sewa berjumlah RM97,000 bagi tahun 2020 dan 2021 yang sepatutnya diperoleh berdasarkan perjanjian seperti dalam **Jadual 12**. Pelan kawasan terlibat adalah seperti dalam **Rajah 3** dan keadaan tapak projek semasa lawatan Audit pada 9 Februari 2022 adalah seperti dalam **Gambar 15** dan **Gambar 16**.


JADUAL 12
PULANGAN PROJEK KELANTAN BIO VALLEY KEPADA KBCSB

NAMA SYARIKAT	BAYARAN SEPATUTNYA * (RM)				BAYARAN DITERIMA (RM)				PERBEZAAN (RM) (A - B)
	2019	2020	2021	JUMLAH (A)	2019	2020	2021	JUMLAH (B)	
Syarikat A	123,000	41,000	41,000	205,000	123,000	0	0	123,000	82,000
Syarikat B	9,000	3,000	3,000	15,000	9,000	0	0	9,000	6,000
Syarikat C	24,000	3,000	6,000	33,000	24,000	0	0	24,000	9,000
JUMLAH	156,000	47,000	50,000	253,000	156,000	0	0	156,000	97,000

Sumber: Perjanjian Usaha Sama dan Rekod Kewangan KBCSB

Nota: (*) - Bayaran yang sepatutnya diterima mengikut perjanjian

RAJAH 3
PELAN LOKASI PROJEK KELANTAN BIO VALLEY, PASIR PUTEH



Sumber: Perjanjian Usaha Sama KBCSB

GAMBAR 15



Gong Datok, Pasir Puteh
- Papan Tanda Projek Kelantan Bio Valley
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16



Gong Datok, Pasir Puteh
- Sebahagian daripada Tapak Projek Kelantan Bio Valley
(09.02.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

Masalah penerokaan haram oleh penduduk setempat adalah merupakan isu utama yang menyebabkan pembangunan Projek Kelantan Bio Valley terganggu. Pihak pelabur menghadapi masalah untuk masuk kawasan tapak projek untuk menjalankan aktiviti pembangunan projek ekoran daripada halangan daripada peneroka haram di atas tapak tersebut. Pihak KBCSB telah cuba menyelesaikan masalah tersebut dengan mengadakan perbincangan dengan pihak PTJ Pasir Puteh, Pejabat ADUN Gaal, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), penghulu kampung dan peneroka haram. Bagaimanapun, KBCSB akan meneruskan pembangunan projek dengan empat pelabur baharu pada tahun 2022 bagi meningkatkan pendapatan hasil daripada pembangunan projek tersebut.

Pendapat Audit | **Projek pembangunan harta tanah yang dilaksanakan oleh KBCSB di Pasir Puteh iaitu Projek Kelantan Bio Valley masih tertangguh disebabkan oleh pelaksanaan PKP dan masalah penerokaan haram.**

b. Projek Green Valley Bio Park

- i. KBCSB menandatangani empat perjanjian dengan tiga syarikat usaha sama bagi Projek Green Valley Bio Park, Lojing. Syarikat usaha sama perlu membangunkan projek tersebut dan menjelaskan bayaran berjumlah RM1.15 juta iaitu RM384,352 bagi bayaran deposit/cagaran, RM192,126 bagi bayaran komitmen/sumbangan dan RM572,237 untuk bayaran sewa bagi tempoh 2018 hingga 2021. Bagi sewa tahunan, kadar bayaran sewa yang ditetapkan kemudiannya akan meningkat pada kadar antara 5% hingga 10% menurut jangka masa yang ditetapkan dalam perjanjian.
- ii. Semakan Audit mendapati kesemua syarikat usaha sama telah menjelaskan bayaran deposit/cagaran dan bayaran komitmen/sumbangan berjumlah RM576,478. Bagaimanapun, **bayaran sewa tidak dijelaskan sepenuhnya oleh Syarikat E dan menyebabkan berlaku tunggakan bayaran sewa berjumlah RM300,592 sehingga akhir tahun 2021 yang telah menjelaskan aliran tunai KBCSB.** Hal ini juga telah menyumbang kepada peningkatan penghutang perdagangan yang merupakan komponen terbesar dalam aset syarikat pada tahun 2021 yang keseluruhannya berjumlah RM1.77 juta. Keadaan ini berpunca daripada pelaksanaan PKP yang telah menjelaskan pembangunan bagi semua projek

yang sedang dilaksanakan. Maklumat terperinci bayaran adalah seperti dalam **Jadual 13.**

JADUAL 13
PULANGAN PROJEK GREEN VALLEY BIO PARK KEPADA KBCSB


NAMA SYARIKAT	BAYARAN SEPATUTNYA * (RM)					BAYARAN DITERIMA (RM)					PERBEZAAN (A - B) (RM)
	2018	2019	2020	2021	JUMLAH (A)	2018	2019	2020	2021	JUMLAH (B)	
Syarikat D	0	65,404	32,602	32,602	130,608	0	65,404	32,602	32,602	130,608	0
Syarikat E	444,539	155,327	119,490	255,379	974,735	444,539	76,054	40,800	112,750	674,143	300,592
Syarikat F	0	27,108	5,421	10,843	43,372	0	27,108	5,421	10,843	43,372	0
JUMLAH	444,539	247,839	157,513	298,824	1,148,715	444,539	168,566	78,823	156,195	848,123	300,592

Sumber: Perjanjian Usaha Sama dan Rekod Kewangan KBCSB

Nota: (*) - Bayaran yang sepatutnya diterima mengikut perjanjian

- iii. Mengikut minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2021 bertarikh 1 November 2021, semua pembangunan projek telah dilaksanakan. Lawatan fizikal Audit yang dibuat pada 23 Mei 2022 mendapati projek dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan di mana kawasan berkenaan telah diusahakan dengan tanaman seperti sawi, tomato, lada bengala dan bunga kekwa. Maklumat pelan lokasi projek adalah seperti dalam **Rajah 4** manakala keadaan tapak projek adalah seperti dalam **Gambar 17** hingga **Gambar 22** berikut.

RAJAH 4
PELAN LOKASI PROJEK GREEN VALLEY BIO PARK, LOJING



Sumber: Perjanjian Usaha Sama KBCSB

GAMBAR 17

Lojing
- Antara Tanaman yang Diusahakan: Sawi
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18

Lojing
- Antara Tanaman yang Diusahakan: Tomato
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19

Lojing
- Antara Tanaman yang Diusahakan: Lada Bengala
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20

Lojing
- Antara Tanaman yang Diusahakan: Lada Bengala
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21

Lojing
- Antara Tanaman yang Diusahakan: Bunga Kekwa
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22

Lojing
- Antara Tanaman yang Diusahakan: Bunga Kekwa
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

KBCSB menyedari masalah utama yang dihadapi bagi Projek Green Valley Bio Park adalah faktor kecerunan tanah dan pelaksanaan PKP yang telah menjelaskan pembangunan projek dan menyebabkan tunggakan bayaran sewa tahunan. Oleh itu, KBCSB mengambil pendekatan dengan menghantar surat tuntutan bayaran berserta penjadualan semula bayaran tunggakan sewa kepada pihak pelabur. Memandangkan

terdapat perbezaan amaun berjumlah RM31,935 antara rekod tunggakan hutang yang dibuat oleh KBCSB berbanding pengiraan oleh Jabatan Audit Negara, pihak KBCSB akan membuat semakan semula dengan dokumen perjanjian terlibat bagi memastikan tiada ralat dalam caj sewaan yang dikenakan kepada pelabur. KBCSB juga telah membuat kutipan hutang pada tahun 2022 dan sehingga kini pihak syarikat usaha sama telah menjelaskan bayaran tunggakan sewa berjumlah RM95,000.

Pendapat Audit | Projek pembangunan harta tanah yang dilaksanakan oleh KBCSB di Lojing iaitu Green Valley Bio Park telah mencapai objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, projek tersebut mempunyai tunggakan sewa akibat kekangan yang dihadapi oleh syarikat usaha sama (Syarikat E).

5.2.3.2. Tunggakan Sewa kepada Pemilik Tanah Pajakan

- Bagi Projek Kelantan Bio Valley di Pasir Puteh, KBCSB dikehendaki membayar sewa pajakan berjumlah RM17,449 setahun kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) mulai tahun 2019 berdasarkan surat Kelulusan Permohonan Pajakan bertarikh 9 November 2017. Bagi Projek Green Valley Bio Park di Lojing pula, terma 4.2 Perjanjian Pajakan menghendaki KBCSB membayar nilai pampasan sewa (compensation rental) kepada YAKIN berjumlah RM119,108 dalam masa 30 hari bermula dari tarikh perjanjian tersebut ditandatangani. Terma 4.1 perjanjian yang sama juga menghendaki KBCSB menjelaskan bayaran sewa antara RM21,600 hingga RM180,000 setahun kepada YAKIN seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
BAYARAN SEWA YANG PERLU DIBAYAR OLEH KBCSB
KEPADA YAKIN MENGIKUT TERMA PERJANJIAN PAJAKAN

TEMPOH (Tahun)	KELUASAN TANAH (Ekar)	KADAR (RM)	BAYARAN BULANAN (RM)	KAEDAH BAYARAN	BAYARAN TAHUNAN (RM)
1 - 2	60	-	-	-	-
3	15	120	1,800	Setiap 6 bulan	21,600
4	30	150	4,500	Setiap 6 bulan	54,000
5	45	150	6,750	Setiap 6 bulan	81,000
6	60	150	9,000	Setiap 6 bulan	108,000
7 - 11	60	200	12,000	Setiap 6 bulan	144,000
12 - 20	60	220	13,200	Setiap 6 bulan	158,400
21 - 30	60	250	15,000	Setiap 6 bulan	180,000

Sumber: Surat Kelulusan Permohonan Pajakan

- b. Semakan Audit mendapati KBCSB telah menjelaskan sepenuhnya bayaran sewa pajakan bagi tempoh tiga tahun iaitu mulai tahun 2019 hingga 2021 bagi Projek Kelantan Bio Valley berjumlah RM52,347 kepada PTG.
- c. Bagaimanapun, bagi Projek Green Valley Bio Park, KBCSB tidak dapat menjelaskan bayaran pampasan sewa dan bayaran sewa pajakan tahunan mengikut jumlah yang ditetapkan dalam perjanjian. Didapati **KBCSB tidak menjelaskan bayaran bagi pampasan sewa berjumlah RM119,108 dalam masa 30 hari daripada tarikh perjanjian ditandatangani iaitu pada 25 Januari 2016. KBCSB hanya menjelaskan bayaran sejumlah RM19,108 (16%) kepada YAKIN selepas tiga tahun kemudian iaitu pada 16 Januari 2019.**
- d. Bayaran sewa pajakan hanya perlu dijelaskan oleh KBCSB mulai tahun ketiga iaitu pada tahun 2018 mengikut syarat yang telah ditetapkan. Bagi tahun pertama dan kedua, KBCSB telah mendapat pengecualian bayaran sewa pajakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pajakan tanah KBCSB daripada YAKIN telah memasuki tahun keenam pada tahun 2021. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, **KBCSB hanya menjelaskan bayaran sewa pajakan tanah kepada YAKIN berjumlah RM63,200 iaitu 23.9% daripada jumlah yang sepatusnya.** Keadaan tersebut berpunca daripada kekangan kewangan yang dialami syarikat dan telah menyebabkan KBCSB mengalami tunggakan bayaran yang perlu dijelaskan kepada YAKIN berjumlah RM301,400 iaitu RM100,000 bagi bayaran pampasan sewa dan RM201,400 bagi bayaran sewa pajakan. Maklumat prestasi bayaran sewa pajakan KBCSB kepada YAKIN adalah seperti dalam **Jadual 15.**

**JADUAL 15
BAYARAN PAMPASAN SEWA DAN SEWA PAJAKAN KBCSB
KEPADА YAKIN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2021**

PERKARA	TAHUN	PATUT BAYAR (RM) (A)	BAYARAN SEBENAR		TUNGGAKAN (RM) (A-B)
			(RM) (B)	(%)	
PAMPASAN SEWA					
Tahun 1	2016	119,108	19,108	16.0	100,000
SEWA PAJAKAN					
Tahun 3	2018	21,600	10,800	50.0	10,800
Tahun 4	2019	54,000	10,800	20.0	43,200
Tahun 5	2020	81,000	21,600	26.7	59,400
Tahun 6	2021	108,000	20,000	18.5	88,000
JUMLAH		383,708	82,308	21.5	301,400

Sumber: KBCSB

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

KBCSB telah mengemukakan surat kepada YAKIN bagi memohon penjadualan bayaran tunggakan secara berjadual memandangkan kondisi kewangan syarikat yang masih belum stabil.

Pendapat Audit	Kegagalan KBCSB untuk menjelaskan sepenuhnya bayaran yang sepatutnya kepada YAKIN menyebabkan berlakunya tunggakan yang meningkatkan liabiliti serta menjadikan nama baik KBCSB.
----------------	---

5.2.4. Kebergantungan KBCSB kepada Perbadanan Induk

- a. Berdasarkan rekod kewangan KBCSB dan minit mesyuarat Lembaga Pengarah KBCSB, perbadanan induk perlu menyuntik dana tambahan kepada KBCSB bagi menanggung kos operasi syarikat, bayaran tunggakan gaji pekerja dan bayaran overdraf bank.
- b. Semakan Audit mendapati **bagi tahun 2018 hingga 2021, KBCSB telah menerima pendahuluan berjumlah RM3.09 juta daripada PMBK** seperti dalam **Jadual 16**. Sebahagian besar daripada pendahuluan berkenaan digunakan oleh KBCSB bagi tujuan melaksanakan projek/program berjumlah RM1.23 juta serta untuk bayaran gaji kakitangan KBCSB dan kumpulan berjumlah RM1.07 juta. Selain itu, pendahuluan tersebut turut digunakan untuk menjelaskan bayaran overdraf, perbelanjaan operasi KBCSB serta untuk membaik pulih makmal, kilang baja dan nurseri.

JADUAL 16
ANALISIS PENDAHULUAN
DARIPADA PMBK BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

TUJUAN PENDAHULUAN	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH (RM)
Pelaksanaan Projek/Program	201,870	168,043	0	863,915	1,233,828
Gaji Kakitangan KBCSB & Kumpulan	441,780	365,766	22,996	238,294	1,068,836
Bayaran Overdraf Bank	0	56,000	281,900	0	337,900
Perbelanjaan Operasi	10,000	47,500	0	152,197	209,697
Lain-lain	83,067	35,500	32,706	0	151,273

TUJUAN PENDAHULUAN	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH (RM)
Baik Pulih Makmal dan Kilang Baja	50,000	0	0	0	50,000
Pemulihan Nurseri	0	0	0	41,085	41,085
JUMLAH PENDAHULUAN DARIPADA PMBK	786,717	672,809	337,602	1,295,491	3,092,619

Sumber: Rekod Kewangan KBCSB Bagi Tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021

- c. Semakan selanjutnya mendapati bagi tahun 2018 hingga 2021, **KBCSB telah menjelaskan bayaran balik pendahuluan secara tunai berjumlah RM812,275. Sejumlah RM3 juta telah dijelaskan secara kontra melalui tambahan modal berbayar PMBK berjumlah RM1 juta, jualan pelaburan saham subsidiari berjumlah RM1 juta dan jualan aset iaitu tanah dan bangunan kilang KBCSB berjumlah RM1 juta.** Maklumat terperinci seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17
ANALISIS BAYARAN BALIK PENDAHULUAN
KEPADА PMBK BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021**

BUTIRAN	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	JUMLAH (RM)
Bayaran Balik Secara Tunai	586,486	72,026	45,000	108,763	812,275
Tambahan Modal Berbayar	0	0	0	1,000,000	1,000,000
Jualan Pelaburan Saham Subsidiari	0	0	0	1,000,000	1,000,000
Jualan Aset (Tanah dan Bangunan Kilang)	0	0	1,000,000	0	1,000,000
JUMLAH BAYARAN BALIK PENDAHULUAN KEPADA PMBK	586,486	72,026	1,045,000	2,108,763	3,812,275

Sumber: Rekod Kewangan KBCSB Bagi Tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

KBCSB pernah berada di ambang penamatan operasi syarikat pada tahun 2019 hingga 2020, di mana suntikan dana tambahan ini adalah komitmen daripada perbadanan induk sebagai modal pusingan bagi pelaksanaan projek Kerajaan negeri dan juga penambahbaikan infra supaya KBCSB dapat meneruskan operasi dan kembali menyumbang kepada masyarakat.

Pendapat Audit	Pendahuluan yang diterima daripada PMBK sebahagian besarnya telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi (termasuk gaji kakitangan) yang menunjukkan kebergantungan KBCSB kepada perbadanan induk untuk meneruskan operasi.
-----------------------	--

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat subsidiari PMBK, KBCSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, antara rujukan amalan terbaik tadbir urus korporat ialah Malaysian Code on Corporate Governance 2021 (MCCG 2021), The Green Book - Enhancing Board Effectiveness (Green Book), Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook] Disember 2014 serta panduan tadbir urus oleh Chartered Institute of Internal Auditors.

5.3.2. Semakan Audit mendapati KBCSB hanya mengamalkan sepenuhnya dua daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Penggerusi dan Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif. Enam aspek amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Jawatankuasa Audit (JKA) serta Audit Dalam. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh KBCSB adalah seperti penemuan dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TERBAIK TADBIR URUS KORPORAT

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	MCCG 2021 amalan 2.1 panduan 2.1: Mempunyai Piagam yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab pengarah.	Piagam Lembaga Pengarah KBCSB tidak disediakan sejak syarikat ditubuhkan.
Setiausaha Syarikat	MCCG 2021 amalan 1.5: Lembaga Pengarah hendaklah disokong oleh Setiausaha Syarikat yang mempunyai kelulusan yang sewajarnya dan cekap untuk memberi nasihat tadbir urus yang bernes, memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prosedur serta menyokong pelaksanaan amalan terbaik tadbir urus korporat.	Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyediaan Piagam Lembaga Pengarah.

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Prosedur Operasi Standard (SOP)	MKD Handbook perenggan 1.9(c), perenggan 2.2(f), perenggan 3.25 hingga 3.28: Syarikat mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi aktiviti utama syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.	SOP bagi salah satu daripada aktiviti utama KBCSB iaitu pelaksanaan projek geran Kerajaan tidak disediakan.
Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama	MCCG 2021 amalan 1.1: Pelaksanaan Pelan Strategik dipantau oleh Lembaga Pengarah.	Tiada pemantauan terhadap pelaksanaan dan pencapaian Pelan Strategik.
Jawatankuasa Audit	MCCG 2021 Hasil Yang Disasarkan 9.0: Jawatankuasa Audit (JKA) hendaklah ditubuhkan.	JKA tidak ditubuhkan di KBCSB.
Audit Dalam	MCCG 2021 amalan 11.1: Jawatankuasa Audit (JKA) hendaklah memastikan Audit Dalam berfungsi secara bebas, pelantikan ahli Audit Dalam diputuskan oleh JKA dan skop kerja Audit Dalam perlu jelas dan diluluskan oleh JKA. MCCG 2021 amalan 11.1 panduan 11.1: Audit Dalam hendaklah melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman, anti-korupsi, <i>whistleblowing</i> dan tadbir urus. Audit Dalam berperanan untuk menyarankan penambahbaikan kepada JKA dan Lembaga Pengarah berdasarkan kelemahan proses dalaman yang telah dikenal pasti.	Audit Dalam tidak ditubuhkan di KBCSB.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas KBCSB yang Diterima Pada 15 Jun 2022

KBCSB telah merujuk kepada pihak Setiausaha Syarikat di mana KBCSB adalah tertakluk kepada arahan dan keputusan PMBK dan kini masih menunggu keputusan berkenaan penyediaan piagam Lembaga Pengarah. Pihak Setiausaha Syarikat telah mengambil tindakan dengan memaklumkan kepada perbadanan induk untuk menyediakan Piagam Lembaga Pengarah, di mana keutamaan penyediaan adalah untuk perbadanan induk terlebih dahulu dan akan disusuli oleh semua anak syarikat. Bagi SOP pula, akan disediakan dengan panduan daripada perbadanan induk. Selain itu, bagi tujuan pemantauan, KBCSB telah mempunyai pemantau daripada perbadanan induk iaitu Jabatan Pemantauan Prestasi PMBK. Bagi Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam pula, KBCSB menggunakan pakai Jawatankuasa dan Audit Dalam PMBK.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat KBCSB adalah sekadar memuaskan sahaja kerana terdapat beberapa aspek yang perlu ditambah baik.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan KBCSB masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Pencapaian KPI bagi tahun 2018 hingga 2021 adalah kurang cekap iaitu antara 40% hingga 75%. Sumber dana daripada geran Kerajaan digunakan mengikut tujuan ditetapkan tetapi masih terdapat beberapa objektif projek yang belum dicapai akibat kekangan yang dihadapi syarikat. Aktiviti pengeluaran bagi dua produk berasaskan bioteknologi telah dihentikan pada tahun 2016 dan 2019 bagi memberi tumpuan kepada pengeluaran produk baja organik dan bio pertanian yang telah bermula sejak tahun 2013 serta dijangka berpotensi menyumbang kepada pendapatan syarikat. Bagaimanapun, kebergantungan syarikat kepada pelan, hala tuju dan peruntukan kewangan Kerajaan negeri dan perbadanan induk menyebabkan pendapatan dan perkembangan syarikat adalah terhad. Bagi projek pembangunan harta tanah, pelaksanaan PKP dan masalah penerokaan haram telah menjelaskan pembangunan projek seterusnya mengakibatkan tunggakan sewa yang memberi kesan kepada aliran tunai KBCSB. Kedudukan kewangan KBCSB dalam tempoh yang dinilai adalah stabil dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM96,679 pada tahun 2021. Bagaimanapun, dalam masa yang sama KBCSB terlalu bergantung kepada sumber kewangan daripada perbadanan induk untuk menjalankan operasinya dan KBCSB masih mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM2.93 juta pada akhir tahun 2021. Bagi aspek tadbir urus korporat KBCSB, secara keseluruhannya adalah sekadar memuaskan sahaja di mana perkara berkaitan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman perlu ditambah baik.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan KBCSB serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah KBCSB perlu mengambil langkah proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan KBCSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. memastikan pelaksanaan projek dipantau supaya objektif sebenar projek dicapai dan mengkaji semula pelan strategik syarikat dengan mengambil kira objektif penubuhan dan keupayaan syarikat;
- 7.2. mengkaji dan menyusun semula struktur kewangan syarikat bagi mengurangkan kebergantungan syarikat kepada dana daripada perbadanan induk dan Kerajaan negeri dalam menjalankan operasi dan aktiviti syarikat; dan

7.3. meningkatkan tadbir urus syarikat berkaitan dengan aspek peranan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam serta pemantauan terhadap pelaksanaan pelan strategik selaras dengan Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat dan amalan terbaik.